

# BENZHEXOL TABLET

Benzhexol Hydrochloride (2mg)

## Apakah Yang Ada Pada Risalah Ini

1. Apakah kegunaan Benzhexol Tablet
2. Bagaimana Benzhexol Tablet berfungsi
3. Sebelum mengambil Benzhexol Tablet
4. Cara menggunakan Benzhexol Tablet
5. Semasa menggunakan Benzhexol Tablet
6. Kesan-sesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Benzhexol Tablet
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP
11. Nombor siri

## Apakah Kegunaan Benzhexol Tablet

Benzhexol Tablet mengandungi bahan aktif benzhexol 2mg. Ianya digunakan bersama-sama dengan ubat-ubatan lain untuk membantu merawat penyakit Parkinson. Penyakit Parkinson adalah gangguan otak yang memberi kesan kepada pergerakan.

Tanda-tanda penyakit Parkinson termasuk menggeletar, postur tegar, pergerakan perlahan dan perjalanan kaki yang tidak seimbang.

Benzhexol Tablet juga digunakan selepas penyakit yang mempunyai kesan sepertimana penyakit Parkinson.

Benzhexol Tablet juga boleh diguna untuk mengelakkan atau mengawal kesan sampingan yang seakan-akan dengan simptom Parkinson seperti gegaran yang telah disebabkan akibat penggunaan ubat tertentu.

## Bagaimana Benzhexol Tablet Berfungsi

Benzhexol Tablet tergolong dalam kumpulan ubat-ubatan yang dikenali sebagai *antidyskinetics*. Ia berfungsi melalui kelonggaran tisu otot dan

bertindak atas saraf yang mengawal otot.

## Sebelum mengambil Benzhexol Tablet

### -Bila tidak boleh diambil

Jangan mengambil Benzhexol Tablet jika anda mempunyai alahan kepada:

- sebarang ubat yang mengandungi *benzhexol hydrochloride*
- mana-mana bahan yang disenaraikan pada akhir risalah ini
- sebarang ubat-ubatan lain yang sama

Tanda-tanda alahan adalah seperti ruam, gatal-gatal, bengkak di muka, bibir, lidah atau bahagian-bahagian badan yang lain, sesak nafas, semput atau masalah pernafasan, pembesaran prostatic, ileus paralitik (halangan untuk usus berfungsi) atau stenosis pilorik (keadaan yang tidak biasa pada bayi yang menghalang makanan daripada memasuki usus kecil).

Jangan mengambil Benzhexol Tablet jika anda disahkan menghidap glaukoma, satu keadaan yang dikaitkan dengan tekanan tinggi dalam mata.

Jangan mengambil Benzhexol Tablet jika bungkusan terkoyak atau dalam keadaan tidak sempurna.

Jangan mengambil Benzhexol Tablet selepas melepas tarikh tamat tempoh (EXP) yang dicetak pada pek. Jika anda mengambilnya selepas tarikh tamat tempoh telah berlalu, ia juga mungkin kurang berkesan

Keselamatan dan keberkesaan Benzhexol Tablet pada kanak-kanak belum dipastikan. Jangan berikan ubat ini kepada kanak-kanak kecuali dipreskrib oleh doktor kanak-kanak.

### -Sebelum mula mengambil

#### Benzhexol Tablet

Anda mesti memberitahu doktor anda jika:

1. Anda mempunyai sebarang alahan kepada mana-mana ubat-ubatan lain, makanan, bahan pengawet atau pewarna.
2. Doktor anda akan membincangkan risiko dan faedah mengambil Benzhexol Tablet semasa menyusukan anak.
3. Anda mempunyai atau telah mempunyai apa-apa keadaan perubatan lain seperti:
  - Penyakit hati, buah pinggang atau jantung
  - Tekanan darah tinggi
  - Masalah dengan perut atau usus besar
  - Masalah prostat

Sila beritahu doktor anda dengan segera sebelum mula mengambil Benzhexol Tablet jika anda tidak memberitahu doktor anda tentang perkara-perkara di atas.

### -Jika mengambil ubat-ubat lain

Maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi anda jika anda ada mengambil sebarang ubat, termasuk ubat yang diperolehi tanpa preskripsi dari farmasi, kedai ubat atau mana-mana sumber lain.

Fungsi ubat-ubatan ini mungkin terjejas oleh Benzhexol Tablet atau boleh menjelaskan bagaimana ia berfungsi. Anda mungkin memerlukan jumlah ubat-ubatan yang berbeza atau anda mungkin perlu mengambil ubat-ubatan yang berbeza.

Doktor atau ahli farmasi mungkin mempunyai maklumat lanjut mengenai pengambilan ubat-ubatan secara berhati-hati dengan atau untuk dielakkan semasa mengambil Benzhexol Tablet.

Sesetengah ubat boleh mengganggu fungsi Benzhexol Tablet. Ini termasuk:

# BENZHEXOL TABLET

Benzhexol Hydrochloride (2mg)

- Penggunaan bersama Benzhexol dan alkohol boleh meningkatkan kesan sedatif Benzhexol.
- Penggunaan serentak dengan depressants pusat sistem saraf (CNS) juga boleh menyebabkan peningkatan kesan sedatif.

## Cara Menggunakan Benzhexol Tablet

**-Berapa banyak harus digunakan**  
Dos Benzhexol Tablet mungkin berbeza untuk setiap orang. Doktor anda akan menentukan dos yang sesuai untuk anda.

Jika dos anda lebih daripada 60, dos permulaan anda akan rendah dan kemudian meningkat secara beransur-ansur.

Dos permulaan biasanya 1mg pada hari pertama. Dos itu kemudiannya boleh meningkat sebanyak 2 mg pada satu masa setiap tiga hingga lima hari sehingga sejumlah dos 6-10 mg diambil setiap hari. Sesetengah orang mungkin perlu mengambil dos harian 12 hingga 15 mg.

Benzhexol harus diberi secara oral 3 atau 4 kali sehari pada waktu makan.

Jika anda mengambil Benzhexol Tablet untuk gegaran yang disebabkan oleh ubat-ubatan lain, dos harian yang biasa adalah di antara 5 dan 15 mg.

Sentiasa mengambil bilangan ubat seperti mana diberitahu oleh doktor. Maklumat bilangan biji dan kekerapan perlu diambil sehari akan dilabel pada ubat yang dibekalkan. Jika kurang jelas atau tidak faham arahan yang diberi sila minta penerangan daripada doktor atau ahli farmasi

**-Bila perlu digunakan**  
Benzhexol Tablet boleh diambil dengan atau tanpa makanan.

Benzhexol Tablet membuatkan beberapa orang berasa sangat dahaga. Bagaimana anda bertindak balas terhadap Benzhexol Tablet akan menentukan sama ada ia adalah lebih baik untuk anda mengambil Benzhexol Tablet sebelum atau selepas makan.

Jika anda mengalami pengeluaran air liur yang banyak, ambil Benzhexol Tablet selepas makan.

Jika anda mendapati Benzhexol Tablet membuat mulut anda sangat kering, ambil sebelum makan kecuali ia membuat anda merasa sakit.

Jika anda mengambil Benzhexol Tablet selepas makan, gula-gula pudina, gula-gula getah atau air boleh membantu mengurangkan perasaan dahaga.

**-Berapa lama perlu digunakan**  
Teruskan pengambilan Benzhexol Tablet selagi ditetapkan oleh doktor. Anda mungkin perlu mengambil Benzhexol Tablet untuk tempoh masa panjang.

**-Jika terlupa menggunakan**  
Ambil dos yang tertinggal sebaik sahaja anda ingat. Jika ia hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos yang tertinggal dan ambil ubat pada masa yang dijadualkan seterusnya. Jangan mengambil ubat tambahan untuk menggantikan dos yang tertinggal. Ini boleh meningkatkan kemungkinan kejadian kesan-sesan sampingan yang tidak diingini.

**-Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)**  
Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika anda atau orang lain terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada

sebarang kesan keracunan atau perasaan tidak selesa. Anda mungkin memerlukan rawatan perubatan segera.

Dos toksik mengakibatkan kegelisahan, kekeliruan dan keghairahan dan halusinasi. Bagi mabuk yang teruk, masalah sistem saraf pusat mungkin berlaku dengan kegagalan peredaran darah dan masalah pernafasan.

## Semasa Menggunakan Benzhexol Tablet

### **-Perkara yang perlu dilakukan**

Ambil ubat ini seperti mana yang telah ditetapkan oleh doktor anda.

- Beritahu doktor dan ahli farmasi anda jika anda mengalami sebarang alahan kepada Benzhexol Tablet.
- Sekiranya perlu mendapat rawatan lain, pastikan semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi dimaklumkan bahawa anda sedang mengambil Benzhexol Tablet.
- Beritahu doktor anda dengan segera jika anda menjadi hamil semasa mengambil ubat ini.
- Tanda-tanda penyakit tidak pulih atau menjadi lebih teruk.

**-Perkara yang tidak boleh dilakukan**  
Jangan berkongsi Benzhexol Tablet dengan orang lain, walaupun tandatanda mereka kelihatan serupa dengan anda.

Jangan mengambil ubat ini untuk merawat sebarang aduan lain melainkan tanpa arahan doktor.

Elakkan minum alkohol semasa mengambil Benzhexol Tablet

### **-Perkara yang perlu diberi perhatian**

Jika anda hamil, cuba untuk hamil atau sedang menyusukan bayi, jangan ambil Benzhexol Tablet tanpa berbincang dengan doktor anda terlebih dahulu.

# BENZHEXOL TABLET

Benzhexol Hydrochloride (2mg)

## Kesan-kesan Sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, Benzhexol Tablet boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya.

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mendapati mana-mana daripada yang berikut dan membimbangkan anda:

- kekeringan mulut
- mengalami kesukaran ketika menelan
- Dahaga
- Pengembangan anak mata sehingga hilang ruang dan photophobia (sensitif kepada cahaya)
- Peningkatan tekanan intraocular (tekanan di dalam mata)
- Kemerahan dan kekeringan pada kulit
- ketidakmampuan untuk mengosongkan pundi kencing sepenuhnya
- sembelit

Kadang-kadang muntah, pening dan rasa terhuyung-huyung mungkin berlaku.

Tanya doktor atau ahli farmasi jika anda tidak faham apa-apa yang terkandung dalam senarai ini.

Jangan terkejut dengan senarai kesan sampingan yang mungkin. Anda mungkin tidak mengalami apa-apa daripada kesan berikut.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550 atau laman web [npra.moh.gov.my](http://npra.moh.gov.my) (*Public → Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI*).

## Cara Penyimpanan dan Pelupusan Benzhexol Tablet

### -Penyimpanan

Simpan semua ubat daripada penglihatan dan jangkauan kanak-kanak.

Jangan mengambil ubat ini selepas tarikh tamat tempoh yang diterterakan pada pek bungkusan.

Simpan di bawah 30°C. Lindungi daripada cahaya. Simpan dalam bekas tertutup rapat.

### -Pelupusan

Ubat tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Dapatkan maklumat daripada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

## Maklumat Lanjut

### *Rupa dan warna produk*

Tablet berwarna kuning, bulat, rata, serong di tepi dengan tanda 'KK'.

### *-Bahan-bahan kandungan*

Bahan aktif:  
Benzhexol Hydrochloride 2mg

Bahan tidak aktif:  
Talcum, Quinoline Yellow, Starch, Acacia, Lactose, Sunset Yellow, Magnesium Stearate

### *-Nomor MAL*

MAL19961328AZ

## Pengilang

Pharmaniaga Manufacturing Berhad (60016-D),  
11A, Jalan P/1, Kawasan Perusahaan Bangi, 43650, Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

## Pemegang Pendaftaran Produk

Pharmaniaga Manufacturing Berhad (60016-D),  
11A, Jalan P/1, Kawasan Perusahaan Bangi, 43650, Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

## Tarikh Kemaskini RiMUP

21/12/2017

## Nombor Siri

NPRA(R4/1)061217/00342